Bab 1: Langkah Keselamatan Dalam Makmal

1 . Bulatkan bahan sisa biologi yang biobahaya

Jarum dan picagari	Pisau pembedahan	Cawan kertas
Sudu	Tisu dikotori darah	Sarung tangan tercemar

2. Lengkapkan dan padankan rajah di bawah tentang Prosedur Operasi Standard (POS) pelupusan bahan sisa biologi di makmal

Kategori dan contoh peralatan
A. Peralatan tajam
B. Pepejal tidak tajam
C. Bangkai, organ
D. Cecair badan

Kaedah pelupusan
Bungkus, diautoklaf, dimasukkan ke dalam tong biobahaya
Masukkan ke dalam bekas khas, tidak diautoklaf
Diautoklaf dan dilupus terus melalui singki makmal atau tandas.
Bungkus dalam beg plastik biobahaya, disejuk beku sebelum dilupuskan.

3. Tandakan (✓) pada murid yang mengambil tindakan yang betul dan (X) pada murid yang mengambil tindakan yang salah semasa mengurus kemalangan yang melibatkan tumpahan bahan kimia.

Maklumkan kepada pembantu makmal dengan segera.	
Semua murid berdiri mengelilingi kawasan tumpahan bahan kimia.	
Elakkan menyedut wap bahan kimia.	
Sekat tumpahan daripada merebak menggunakan pasir untuk membentuk sempadan. Kaut tumpahan bahan kimia.	

4. Tuliskan 'Ya' bagi langkah yang boleh diambil untuk mengurus tumpahan merkuri dan 'Tidak' bagi yang sebaliknya.

Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan.	
Hubungi Jabatan Bomba.	
Tutup dengan pasir halus.	
Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan.	
Maklumkan kepada guru atau pembantu makmal dengan segera.	
Singkirkan merkuri dengan kertas tisu.	

5. Nyatakan jenis pemadam kebakaran berdasarkan kelas kebakaran

Jenis kebakaran	Jenis pemadam
A. Kertas, kayu dan plastik	
B. Cecair mudah terbakar	
C. Gas mudah terbakar	
D. Logam reaktif seperti natrium dan kalium	
E. Peralatan elektrik	
F. Lemak dan minyak masak	

6. Lengkapkan pernyataan berikut ;

a. _____ digunakan untuk memadamkan kebakaran kecil atau sederhana yang sukar dipadamkan oleh air.

b. _____ boleh ditaburkan ke atas bahan yang terbakar untuk memutuskan bekalan oksigen kepada bahan tersebut

7. Tuliskan huruf-huruf dalam petak yang disediakan untuk menyusun dengan betul langkah-langkah dalam penggunaan pemadam api.

P: Halakan muncung ke pangkal api
Q: Ratakan semburan dari sisi ke sisi
R: Tekan pemicit atas alat pemadam api
S: Tanggalkan pin keselamatan